

04 APR 2003

Filem-Festival/I

FESTIVAL FILEM SEDUNIA KUALA LUMPUR DIJADIKAN ACARA TAHUNAN

KUALA LUMPUR, 4 April (Bernama) -- Festival Filem Sedunia Kuala Lumpur (KLWFF), yang dianjurkan dengan jayanya Februari lepas, akan dijadikan acara tahunan, kata Ketua Pengarah Finas Datuk Mohd Shariff Ahmad hari ini.

"Kerajaan memutuskan untuk menjadikan KLWFF sebagai acara tahunan dan ini merupakan keputusan yang paling penting bagi kalangan pengeluar filem tempatan," katanya pada majlis makan malam bagi menghargai usaha tanpa mengenal penat kakitangan pelbagai agensi dalam menjadikan KLWFF 2003 satu kejayaan besar.

KLWFF, yang dianjurkan bersama oleh Finas dan Kementerian Penerangan, diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Acara sulung KLWFF 2003 diadakan dari 16 hingga 18 Feb yang dihadiri kira-kira 91 wakil dari 48 negara dengan penyertaan 39 buah filem.

"Memandangkan ianya akan dijadikan acara tahunan, kami berharap kalangan pengeluar filem tempatan akan membuat persediaan untuk KLWFF yang akan datang dengan filem-filem yang lebih berkualiti," kata Mohd Shariff.

Beliau turut merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua individu yang memberikan sumbangan menjayakan KLWFF 2003 meskipun persediaan dilakukan dalam tempoh yang amat singkat.

"Kita telah berjaya walaupun menghadapi rintangan. Ianya diadakan sejurus sebelum Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali...ketika itu masa merupakan musuh saya tetapi kita amat bertuah kerana mempunyai individu-individu yang kuat bekerja," katanya.

Beliau berkata beberapa individu yang menjadikan acara itu satu kejayaan, telah bekerja sepenuh masa dan hasilnya ialah KLWFF yang begitu baik.

"Saya menerima banyak mesej tahniah daripada peserta luar negara dan ini menunjukkan bahawa usaha kita tidaklah sia-sia," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

SR HS ROS